



## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### PEMERKASAAN TVET DI BAWAH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan satu perbincangan dengan pihak *Office of Qualifications and Examinations Regulation* (OFQUAL) dan *UK Skills Partnership* semasa siri lawatan kerja YB Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan ke London, United Kingdom.
2. OFQUAL adalah satu badan kawal selia yang menilai kelayakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di United Kingdom dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada Parlimen negara tersebut. Manakala *UK Skills Partnership* adalah kumpulan penyedia latihan TVET di UK termasuk di luar negara.
3. Di bawah KSM, terdapat dua Jabatan yang bertindak sebagai badan kawal selia dan penyedia latihan TVET iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM).
4. Aspek seperti pemantauan terhadap badan pentaulahan TVET, skim perantisan serta mekanisme pembiayaan, pertandingan kemahiran dan kelayakan serta kemahiran tenaga pengajar TVET di bawah naungan KSM perlu diperkasakan untuk memertabatkan pendidikan TVET khususnya di bawah naungan KSM. Ini kerana TVET merupakan platform utama dalam melahirkan pekerja tempatan yang berkemahiran.
5. Oleh yang demikian, kolaborasi dengan pihak luar seperti dengan United Kingdom adalah amat penting untuk membuat perbandingan amalan terbaik terutamanya dari aspek tadbir urus pengurusan dan pembelajaran TVET di negara tersebut dalam usaha memantapkan lagi pendidikan TVET di Malaysia.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**PUTRAJAYA**

**25 MAC 2022**